



Untuk Siaran Segera
4 Mei 2024

PENASIHAT ROBO ASNB, RIA, RAIH SAMBUTAN 60,000 PENGGUNA

Syarikat pengurusan unit amanah tersebut merasmikan pelancaran RIA di IOI City Mall

PUTRAJAYA, 4 Mei 2024: Penasihat Pelaburan Robo (RIA) Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang dilancarkan baru-baru ini menerima sambutan daripada 60,000 orang pengguna, setakat 2 Mei 2024, dengan jumlah pelaburan melebihi RM6 juta.

Syarikat pengurusan unit amanah tersebut dan sebuah syarikat pengurusan pelaburan digital milik Permodalan Nasional Berhad telah melancarkan ciri baharu tersebut dalam aplikasi myASNBnya secara berperingkat bermula 11 Mac 2024 dan telah diberi akses sepenuhnya kepada semua pengguna myASNB pada 28 Mac 2024.

“ASNB komited bukan sahaja dalam menyediakan penyelesaian pelaburan yang inovatif, tetapi juga dalam menggalakkan literasi kewangan dan memperkasa rakyat Malaysia untuk membuat keputusan bermaklumat bagi masa depan kewangan mereka.

“Inisiatif ini jelas mencerminkan matlamat PNB yang diperbaharui ‘untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi’,” kata Muzzaffar Othman, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, pada majlis pelancaran rasmi RIA di IOI City Mall, Putrajaya, hari ini.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Dato’ Seri Arshad Raja Tun Uda.

Selain majlis pelancaran rasmi hari ini, pengunjung berpeluang untuk menerokai RIA dan perkhidmatan pelaburan ASNB yang lain termasuk membuka akaun baharu, mengemas kini butiran, membuka kemudahan Auto Labur dan banyak lagi. Acara ini bermula dari 2 Mei hingga 5 Mei 2024.

Gerai ASNB di IOI City Mall juga menawarkan pelbagai permainan interaktif dan aktiviti menarik, sesuai untuk semua peringkat umur.

“ASNB menawarkan pengalaman interaktif kepada pengunjung untuk mengetahui lebih lanjut tentang RIA, bertujuan untuk memberi inspirasi dan mendidik rakyat Malaysia tentang kepentingan melabur dan betapa mudahnya untuk berbuat demikian. Dengan menyediakan pengalaman langsung dan pandangan yang berharga, kami memperkasakan individu untuk memulakan perjalanan pelaburan mereka dengan yakin.”

RIA menyediakan pemilihan portfolio automatik, berdasarkan penilaian risiko individu, yang terdiri daripada dana patuh Syariah ASNB. Dengan pemprofilan risiko intuitif dan portfolio pengimbangan semula automatik dari semasa ke semasa, RIA menjadikan pelaburan boleh diakses oleh semua orang, tanpa mengira tahap pengalaman atau latar belakang kewangan mereka.

Pada majlis yang sama, ASNB turut memperkenalkan Meerqeen sebagai dutanya dalam sesi Temu Mesra. Meerqeen, seorang personaliti/pelakon terkenal akan bekerjasama rapat dengan ASNB untuk menggalakkan literasi kewangan dan amalan pelaburan yang bertanggungjawab dalam kalangan rakyat Malaysia.

ASNB juga mengadakan Kempen Duit Raya dari 15 April hingga 31 Mei 2024. Kempen ini menawarkan baucar GrabGifts kepada pelabur yang membuat pelaburan minimum RM100 dalam mana-mana portfolio RIA. Untuk butiran lanjut serta terma dan syarat, sila layari www.asnb.com.my.

Untuk mula melabur dengan RIA, muat turun aplikasi myASNB dari Apple App Store, Google Play Store atau Huawei AppGallery, daftar akaun myASNB dan pilih RIA.

Untuk maklumat lanjut dan untuk memulakan perjalanan pelaburan anda dengan RIA, layari portal ASNB di www.asnb.com.my atau www.asnb.com.my/ria.php.

- Tamat -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

RIA (Penasihat Pelaburan Robo)

RIA menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan digital kepada pelabur Malaysia, menawarkan penyelesaian pengurusan portfolio yang pintar, mudah dan diperibadikan. ASNB (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)), sebagai pengendali RIA, dilesenkan dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad